

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING]

TARIKH : 22 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN NO. 22

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan Kementerian untuk mengatasi masalah kontrak di kalangan pekerja perubatan dan jika ada pertimbangan khas penempatan tetap untuk diberikan kepada mereka yang sanggup bekerja di pedalaman atau mendapat kelulusan dalam mana-mana kertas *specialist parallel pathways* yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Lantikan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi secara kontrak dilaksanakan bagi membolehkan graduan yang berdaftar dengan majlis atau lembaga profesion masing-masing dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) berpeluang **menjalani latihan siswazah dan/ atau khidmat wajib**.
2. Sehingga 31 Mac 2020, pegawai yang telah dilantik secara kontrak di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah berjumlah 35,506 orang. Lantikan kontrak ini merangkumi sejumlah 18,838 Pegawai Perubatan, 4,130 Pegawai Pergigian dan 5,103 Pegawai Farmasi.
3. Manakala bagi pertimbangan untuk lantikan tetap pula, ia dipertimbangkan secara berasingan selepas pegawai melengkapkan

latihan siswazah dengan mengambil kira faktor kekosongan jawatan tetap sedia ada serta pegawai memenuhi syarat pelantikan dan merit yang ditetapkan. Bagi **Pegawai Perubatan yang telah lulus dalam membership examination atau entrance examination** (dengan izin) untuk mengikuti pengajian kepakaran seperti peperiksaan *Membership Part 1/A* (dengan izin) dalam laluan parallel (*parallel pathway*), mereka **mempunyai kelebihan untuk dipertimbangkan pelantikan tetap.**

4. Kerajaan amat prihatin dan memahami keluh-kesah pegawai lantikan kontrak, terutama di kalangan Pegawai Perubatan. Namun begitu, **Kerajaan seperti mana ketetapan Akta Perubatan 1971 hanya mempunyai obligasi menyediakan penempatan bagi latihan siswazah dan khidmat wajib kepada graduan perubatan.** Dalam masa yang sama, Dasar Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam menetapkan bahawa pewujudan jawatan baharu hanya boleh dibuat secara tukar ganti (*trade off*).

5. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) secara prinsip telah meluluskan **perjawatan tetap baharu secara tukar ganti sebanyak 10,675 secara berfasa bagi tujuan menangani keperluan perkhidmatan di fasiliti baharu dan yang dinaik taraf.** Daripada jumlah tersebut, sebanyak 997 adalah jawatan Pegawai Perubatan, 154 Pegawai Pergigian dan 282 Pegawai Farmasi. Dengan kelulusan perjawatan tersebut, sebahagian daripada pegawai lantikan kontrak boleh dipertimbangkan pelantikan tetap.

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penempatan pegawai ke negeri-negeri dan seterusnya ke fasiliti kesihatan sama ada di kawasan bandar atau luar bandar serta pedalaman adalah berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan. Pegawai yang berminat untuk berkhidmat di kawasan pedalaman boleh memohon untuk mengisi jawatan di penempatan tersebut. Pada masa ini, **berkhidmat di kawasan pedalaman tidak dijadikan sebagai salah satu kriteria untuk pertimbangan pelantikan tetap.**

Sekian, terima kasih.